

# Produk halal bakal tembusi pasaran Amerika Latin

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Malaysia berhasrat menubuhkan ekosistem halal di Peru dengan memanfaatkan pembangunan Pelabuhan Chancay sebagai laluan strategik untuk mengeksport produk halal negara menembusi pasaran Amerika Latin.

Perkara itu dirintis selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan kunjungan rasmi ke atas Presiden Peru, Dina Ercilia Boluarte Zegarra di Istana Kerajaan di Lima, Peru, semalam.

Pelabuhan Chancay yang terletak 80 kilometer di utara ibu kota Peru bernilai AS\$3.5 bilion (RM15.4 bilion) merupakan satu pelabuhan mega bakal siap dibina tidak lama lagi.

Lokasi itu yang juga digelar 'pintu gerbang menuju ke benua Asia' dijangka membentuk landskap baharu dalam perdagangan antara Amerika Selatan dengan Asia dengan Peru muncul sebagai hab perkapalan utama di Pasifik yang boleh terus mengakses ke pasaran Asia.

Menurut Anwar, Malaysia sedar kepentingan pelabuhan yang baharu dibangunkan itu dan berharap dapat menyumbang kepada pembangunan infrastruktur di pelabuhan tersebut.



**ANWAR Ibrahim semasa mengadakan pertemuan dua hala bersama Presiden Peru, Dina Ercilia Boluarte Zegarra (empat dari kanan) di Dewan Tupac Amaru, Istana Kerajaan Peru, Lima, semalam.**

"Malaysia juga membayangkan menubuhkan ekosistem halal di Peru dengan memanfaatkan pembangunan Pelabuhan Chancay sebagai laluan strategik untuk mengeksport produk halal negara menembusi pasaran Amerika Latin," katanya dalam kenyataan.

Sebelum ini, Pelan Induk Industri Halal 2030 menjangkakan pasaran halal Malaysia mencecah RM523.3 bilion dan disasarkan menyumbang hampir 11 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia menjelang 2030 di samping bakal mewujudkan 700,000 peluang pekerjaan.

Pada masa ini, industri halal menyumbang kira-kira enam

hingga tujuh peratus daripada KDNK negara, dengan anggaran penilaian pasaran RM64 bilion.

Setakat Januari sehingga September ini, jumlah eksport produk halal negara bernilai RM45.04 bilion berbanding RM39.36 bilion yang dicatatkan dalam tempoh sama pada 2023.

Terdahulu, Anwar menerima sambutan negara dalam kunjungan rasmi ke atas Presiden Peru di Istana Kerajaan di Lima.

Selain itu, Anwar dan Boluarte juga membincangkan peluang kolaborasi ekonomi antara kedua-dua negara selain Kerjasama Selatan-Selatan di samping dalam bidang pertanian dan sekuriti makanan.

"Kami berdua turut berkongsi aspirasi yang sama dalam soal memerangi rasuah dan memperbaiki tatakelola di negara masing-masing. Saya optimis hubungan Malaysia dan Peru akan berkembang pesat dengan pelbagai kerjasama antara kedua-dua negara," katanya.

Menurut Anwar, beliau turut mempelawa Boluarte dan delegasi Peru mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia tahun depan.

Dalam pada itu, Anwar dan Boluarte menyaksikan pertukaran tiga memorandum persefahaman iaitu antara Halal Development Corporation (HDC) dan Suruhanjaya Penggalakan Eksport dan Pelancongan Peru.